

# Qalam

KDN 186

142, Dhu al-Hijjah, 1381 Mei 1962, 60 Sen.

## Seminar Bahasa dan Sastra.

Suatu seminar bahasa dan sastra telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 hingga 18 hari bulan April 1962 yang lalu anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya telah disambut oleh ramai dengan sebaik-baiknya. Ini terbukti ramainya mereka-mereka yang mengambil bahagian yang datang dari jauh dan dekat.

Seminar ini telah berjaya mengkaji bahagian-bahagian yang ditentukan yang telah dibahagikan kepada 3 bahagian :

1. Bahagian sastra: Dibahagikan kepada 2 kumpulan A dan B.

Dalam bahagian A, dikaji perkara2 yang mengenai A, Puisi (pantun, syair dan sajak), B novel, J Cerita pendek (cerpen) dan D, drama (penulisannya)

Bahagian B pula mengkaji perkara2 yang mengenai: A, Dasar-dasar dan cara-cara menghadapi pelajaran (pengajian dan pengajaran) sastra dalam bidang pendidikan nasional di Tanah Melayu, B, Corak-corak dan cara mengajar sastra di sekolah-sekolah, maktab dan universiti, dan J, bahan pelajaran

sastra di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti.

2. Bahagian buku-buku sekolah: Dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu A, B, C, dan D.

Dalam bahagian A, (peringkat sekolah rendah) dikaji: 1. Bahasa, 2. Kira-kira, 3. Ilmu alam dan tarikh, 4. Ilmu kejadian, 5. Kesihatan dan 6. pelajaran agama.

Bahagian B. (peringkat sekolah menengah) dikaji: 1. Bahasa, 2. Sejarah dan ilmu alam, 3. Ilmu hisab dan rupa-rupa sains, 4. Kesihatan dan latihan tubuh, 5. Pelajaran agama Islam dan 6. urusan rumah tangga.

Bahagian C. (peringkat sekolah menengah tinggi) mengkaji: 1. Ilmu hisab tinggi, 2. Sejarah dan ilmu alam, 3. Ekonomi, 4. Fizik dan kimia, dan kaji hayat (haiwan dan tumbuh-tumbuhan) .

3. Bahagian buku-buku pengetahuan: Dibahagikan kepada tiga kumpulan:

A. Kumpulan bahasa: 1. Buku-buku tata bahasa, dan 2. Buku-buku linguistik dan fonetik.

B. Ilmu sains dan teknik: 1. Kejuruteraan, 2. Perubatan, 3. Pertanian, 4. Perusahaan dan perdagangan, dan 5. Sains dan teknik secara umum.

C. Kemanusiaan: 1. Ekonomi, 2. Falsafah dan agama, 3. Pendidikan, 4. Ilmu tata negara dan 5. kebudayaan

Semuanya perkara yang tersebut telah dibahas dengan suasana meriah dan gembira serta ramah tamah dan masing-masing bahagian telah membuat rumusan yang dalamnya mengandungi anjuran yang baik dan membina.

Dengan adanya semuanya ini maka dapatlah ditinjau betapa

minat dan perhatian seluruh golongan kepada perkembangan bahasa dan sastera di tanah air dan dapat pula dilihat bahawa umumnya rakyat menyedari bahawa perkembangan yang pertama sesudah Kongres Bahasa yang ketiga sudah menghendaki kepada proses pertimbangan yang baharu.

Kita katakan begini kerana di dalam masa baharu merdeka adalah semuanya usaha-usaha di dalam bahasa dan sastera hanya diselenggarakan seada-adanya bagi menyampaikan ikhtiar kerana mencukupi kehendak-kehendak masyarakat kerana itu jenis dan

kualiti tidak berapa diperendahkan sangat – apa yang ada digunakan dan dipakai tetapi ini telah menghendaki perubahan-perubahan dan perubahan-perubahan ini perlu difikirkan bersama dan dengan adanya seminar ini maka dapatlah ditinjau kemahuan dan kehendak untuk mengisi kehendak-kehendak masyarakat di dalam bahasa dan sastera dengan barang-barang yang bernilai yang berguna dan bermutu untuk digunakan kerana membina bangsa. Daripada seminar inilah dapat disemak fikiran-fikiran yang bernas, yang dimesyuaratkan dan dibicarakan untuk



### **Tokoh2 bahasa dan sastera bersidang**

Gambar ini diambil pada hari pembukaan *Seminar Bahasa Dan Sastera* di Dewan Besar Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu tatkala Tun Abdul Razak memberikan ucapan pembukaannya pada hari Ahad 15 haribulan April 1962 yang baru lalu, di antara mereka ini kelihatan saudara Ahmad Boestamam (kanan sekali) yang bukan sahaja dikenali sebagai tokoh bahasa dan sastera tetapi adalah juga sebagai seorang daripada tokoh-tokoh politik yang terkemuka pada hari ini.

membina bangsa seperti yang disebut oleh Tun Abdul Razak dalam pembukaan seminar itu dengan kata beliau: “Yang akan membawa bangsa kita kepada suatu zaman yang mewah dalam lapangan pembacaan buku-buku yang baik.”

Tidak dapat dinafikan bahawa seminar ini besar ertinya untuk perkembangan bahasa dan bangsa pada masa yang akan datang kerana dengan adanya bacaan-bacaan yang baik dan teratur serta sesuai itulah sahaja rakyat dapat dibimbing untuk mencapai kemajuan dan kemewahan masa yang akan datang.

Kita berharap ini akan terlaksana dan harap untuk melaksanakannya ada terbayang dengan akuan Menteri

Pelajaran Encik Abdul Rahman Talib, bahawa segala keputusan itu akan disambut dan dijalankan oleh kerajaan.

Hanya kita wajib mengingatkan bahawa tiap-tiap usaha seperti ini tidaklah ia akan dapat dijalankan dengan serta merta tetapi hendaklah dijalankan dengan teratur dan tersusun dengan perlahan-lahan serta dengan cekal sebab rumah itu tidak akan dapat dibina dalam sehari.

Janganlah hendaknya orang-orang kita dengan tergesa-gesa mengkritik sahaja akan segala sesuatu dengan tidak berperasaan tenang seperti yang terjadi atas kritikan kepada



### **Tenang Mendengar Pidato Pembukaan Tun Abdul Razak.**

Dan ini adalah sebahagian lagi daripada pemandangan umum pada hari pembukaan sidang *Seminar Bahasa*

*Dan Sastera* selama 4 hari di ibu kota Persekutuan Tanah Melayu itu. Mereka mendengar dengan penuh ketenangan

akan ucapan Tun Abdul Razak bin Hussein pada hari pembukaan itu.

usaha Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah berusaha sedapat-dapatnya menerbitkan buku-bukunya tetapi dibidas kerana belum cukup dengan tidak memikirkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi.

Untuk bekerja dalam melaksanakan cita-cita untuk memperbaiki dan kemajuan bangsa maka patut benar ingatan yang disebut oleh Tun Abdul Razak di dalam membuka seminar itu diikuti oleh masyarakat bahawa di dalam usaha-usaha bekerja hendaklah mengurangkan bercakap tetapi banyakkkan bekerja dan berkhidmat.

\* \* \*

### **Sukarno marah?**

Keadaan Indonesia sekarang sangat mendukacitakan. Kesulitan-kesulitan hidup rakyat terutamanya di Pulau Jawa, tidak dapat disembunyikan lagi sehingga akhirnya gaji-gaji tentera terpaksa dipotong untuk bantuan kepada orang-orang yang menderita kelaparan. Pulau Jawa yang kecil yang berpenduduk 50 juta orang dan yang rapat benar penduduknya di Jawa Tengah sedang heboh dilanda kelaparan. Kesulitan-kesulitan hidup yang lain tidak dapat disebut tetapi kesulitan makanan tidak dapat dielakkan lagi iaitu hasil daripada kemerdekaan yang didapati oleh bangsa Indonesia.

Kalau perkara kesukaran hidup di Indonesia itu dahulunya hanya didengari daripada cerita-cerita mulut yang disampaikan oleh orang-orang yang datang kemari dan tidak dapat dibaca di dalam akhbar sebab akhbar di sana semuanya di-*sensor* maka sekarang perihal kelaparan itu tidak dapat disembunyikan lagi. Radio sendiri telah menyiarkan berita yang menyedihkan itu.

Baharu-baharu ini pula seorang pemimpin yang baharu balik dari luar negeri dan telah singgah pula di Malaya,

tatkala tiba di Indonesia lalu membuat perbandingan perihal bagaimana jauhnya taraf hidup di antara Malaya dan Indonesia. Kenyataannya ini memarahkan bung Karno, lalu menyindir dengan menyatakan bahawa ada banyak perbezaan di antara kemerdekaan Indonesia dengan lainnya kerana kemerdekaan Indonesia dengan revolusi dan yang lainnya kemerdekaannya adalah sebagai hadiah sedang kemakmurannya bergantung kepada pertolongan kerajaan-kerajaan asing dan ketua polis serta ketua universitinya pun daripada orang asing.

Apa yang dikatakan oleh *President* Sukarno itu benar tetapi sungguhpun pegawai polisnya orang asing, dan ketua universiti orang asing tidaklah menjadi soal sebab khidmat-khidmat mereka adalah berfaedah kepada rakyat, mendidik dan memberi pengalaman-pengalaman bagaimana mentadbir negeri supaya aman dan damai, mendidik penuntut supaya berilmu dan menggunakan wang-wang bantuan dari luar berfaedah bukannya sahaja kepada kemakmuran negara tetapi juga kepada rakyat. Rakyat dapat terdidik untuk melaksanakan kerja-kerja negara supaya aman dan makmur, berbahagia dan seumpamanya sehingga kita tidak melihat wang-wang bantuan itu hanya diterima oleh satu golongan sedang satu golongan lain menderita - hidup segan mati tak mahu. Pemerintah-pemerintah terdiri dari mereka yang hanya tahu bercakap tetapi tidak tahu bekerja kerana mereka bukannya orang-orang yang berpengalaman boleh mentadbir negeri. Adakah lebih baik menggunakan orang-orang asing daripada orang-orang sendiri kalau negara akan runtuh?

Sebenarnya revolusi Indonesia peringkatnya yang pertama sudah selesai. Pemimpin-pemimpin Indonesia seperti Muhammad Hatta, Natsir, Sjahrir dan lain-lainnya menyedari akan buruknya perebutan-perebutan yang dilakukan oleh *President* Sukarno.

(Sambungan pada muka 41)